

10/01/2000

Sikap manusia punca banjir kilat

SEJAK kebelakangan ini, banjir dan banjir kilat sudah menjadi suatu fenomena biasa di Malaysia, mengakibatkan penderitaan kepada rakyat biasa. Beberapa penduduk di kawasan Batu Tiga, Shah Alam yang ditemui baru-baru ini melahirkan rasa bosan dengan masalah banjir sehingga ada di kalangan mereka mendakwa sudah lali dengan keadaan itu.

Suara hati mereka seolah-olah marah kepada kerajaan kerana terpaksa melalui hidup yang tidak menentu. Malah, ketika ramai daripada kawan-kawan mereka bersedia untuk bertolak ke kampung masing-masing untuk berhari raya bersama keluarga, hujan lebat sekali lagi mengakibatkan banjir dan merosakkan segala rancangan hari raya mereka. Ramai yang membatalkan hasrat pulang ke kampung untuk membersihkan rumah, manakala tidak kurang juga yang hilang 'mood' kerana terpaksa menjaga harta benda di rumah mereka yang sering dinaiki air.

Sebenarnya banjir kilat bukan sesuatu yang baru. Setiap kali sesuatu projek pembangunan dilancarkan, kawasan sekelilingnya terdedah kepada banjir kerana tanah tinggi diratakan dan hutan hijau dimusnahkan dalam sekelip mata. Peristiwa hitam Highland Towers yang mengorbankan 48 nyawa, tanah runtuh di jalan susur ke Genting Highlands pada 1996 dan tragedi banjir lumpur Pos Dipang di Perak yang mengorbankan 40 nyawa adalah kesan langsung pemotongan bukit-bukau sehingga mengganggu topografi asal sesuatu kawasan. Hasilnya insan yang tidak bersalah terkorban. Soalnya siapa yang boleh dipertanggungjawabkan terhadap setiap nyawa yang dikorbankan itu? Setiap kali berlaku tragedi seperti itu, pemaju menghilangkan diri, pihak berkuasa tempatan pula menuding jari ke arah pemaju, manakala kerajaan menjadi mangsa kemarahan rakyat.

Jelas sekali hampir setiap tragedi banjir di negara ini ada kaitan dengan kesilapan manusia, khususnya pemaju yang menjalankan kegiatan pembukaan tanah yang tidak dikawal. Beberapa minggu lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri pernah mengarahkan sebuah syarikat pemaju lebuhraya bertingkat dari Kuala Lumpur ke Ampang, Percon Corporation Sdn Bhd membayar pampasan kepada 1,400 penduduk Kampung Baru dan Kampung Datuk Keramat yang terjejas kehidupan mereka akibat banjir disebabkan projek lebuhraya. Perdana Menteri juga pernah membidas pemaju yang menjalankan kegiatan pembangunan tidak mesra alam yang merata bukit-bukau, memajukan kawasan cerun bukit tanpa perancangan atau membuka kawasan hutan sewenang-wenangnya. Beliau juga melahirkan rasa kesal dengan pihak berkuasa tempatan yang lemah menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 atau meluluskan projek tanpa mengambil kira kesan alam sekitar.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) saja kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM1.7 bilion bagi kerja pemuliharaan perparitan dan projek tebatan banjir di seluruh negara. Wang itu boleh digunakan untuk pelbagai projek rakyat lain atau membantu fakir miskin, tetapi akibat sikap tidak bertanggungjawab pemaju dan kelemahan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa tempatan, kerajaan terpaksa menanggung beban kewangan yang besar.

Amaran Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kelmarin bahawa kerajaan tidak akan bertolak ansur dengan pemaju yang menyumbang kepada masalah banjir yang semakin teruk di Lembah Klang, sepatutnya dipandang serius oleh mereka yang terbabit. Sesungguhnya kenyataan beliau menggambarkan rasa bosan kerajaan terhadap sikap pemaju

yang hanya mengutamakan keuntungan semata-mata tanpa menghiraukan sedikit pun penderitaan rakyat biasa. Beliau mahu Jawatankuasa Kabinet Mengenai Infrastruktur mengkaji masalah itu dan mencadangkan tindakan yang boleh diambil terhadap pemaju degil. Diharapkan, amaran itu dipandang berat semua pihak, khususnya pemaju perumahan dan pihak berkuasa tempatan yang seolah-olah hilang taring apabila berdepan dengan pemaju.

Apa guna Malaysia yang dilabel sebagai bumi bertuah ini begitu maju dan sebahagian rakyatnya hidup kaya raya, tetapi ada pula sebilangan rakyat yang menjadi mangsa kemajuan itu sendiri. Rakyat menaruh harapan kepada kerajaan. Kerajaan pula mengharapakan kakitangannya di semua peringkat menjalankan tugas dengan amanah dan cekap. Jabatan Alam Sekitar dan pihak berkuasa tempatan perlu mengetuai usaha kerajaan untuk membersihkan imejnya dan memaksa setiap pemaju patuh kepada Akta Kualiti Alam Sekitar (Kegiatan Tertentu-EIA) 1974 dan jika tidak dikenakan hukuman maksimum iaitu RM100,000 atau penjara lima tahun atau kedua-dua sekali. Mahkamah juga perlu memastikan hukuman itu menjadi satu pengajaran bukan setakat memenuhi syarat saja.

(END)